

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search ▾

Home > Berita Harian > 24 March 1976 > Page 1 > Kawalan ketat apabila Botak Chin ke mahkamah

Kawalan ketat apabila Botak Chin ke mahkamah

Berita Harian, 24 March 1976, Page 1

Article also available on Microfilm Reel NL8655

★ Add to Citation

< Previous Article

Next Article >

< Previous Page

Next Page >

Kawalan ketat apabila Botak Chin ke mahkamah

KUALA LUMPUR, Selasa. — Wong Swee Chin atau lebih dikenali sebagai Botak Chin, 25 tahun, hari ini dihadapkan dalam Mahkamah Tinggi di sini di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri atas dua tuduhan memiliki senjata api dan peluru.

Wong dikatakan memiliki tiga pucuk pistol, 75 butir peluru dan dua butir bom tangan di kilang papan Eng Leong, di 6

Kilometer Jalan Ipoh pada malam 16 Februari lalu.

Wong, dengan tangannya masih berbalut, memberitahu Hakim Walter W. Abraham bahawa dia boleh dihantar ke mana saja kerana dia tidak tahu undang-undang.

Majistret kemudian memerintahkan agar Wong dihantar ke penjara Pudu sementara menanti perbicaraannya.

Dua orang lain, Chua Heng Pang atau Ah Pang, dan Chan Sai Mok atau Sakai, kedua-duanya 17 tahun, juga dihadapkan dalam mahkamah kera-

Information ^

Newspaper:
Berita HarianDate:
24 March 1976Reel Number:
NL8655

^ Scroll to Top

Share

Table of Contents ^

< Previous

Page 1 ▾

Next >

Nama Akhbar

Berita Harian HARIAN BERBAHASA MELAYU YANG TUNCCAL DI SINGAPURA I NO. 7673 RABU, 24

DRAMA SERANG ALA KAMIKAZE

DRAMA SERANG ALA KAMIKAZE UPI, AP. Pemandu menjunam maut ke rumah tokoh skandal beli k-terbang

Lelaki yang 'menetak karate' ditembak mati

Lelaki yang 'menetak karate' ditembak mati KUALA LUMPUR, Selasa. Seorang lelaki telah ditembak mati,

View Full Table of Contents >

na bersubahat dengan Wong pada malam itu.

Usungan

Chan, yang terlantar di atas tempat usungan kerana cedera di tulang - belakangnya, meminta agar dia dihantar semula ke hospital.

Tetapi, Encik Abraham berkata: "Di penjara Pudu ada seorang pegawai perubatan yang akan merawat kamu di sana. Dia saja yang boleh memutuskan samada kamu dihantar ke hospital atau tidak."

Awal sebelum itu, kira-kira 20 orang pegawai polis dan ditektif telah pergi ke hospital pada waktu makan tengahari.

Rombongan itu berpecah menjadi dua kumpulan dan masuk ke wad-wad Wong, Chan dan Chua.

Timbalan Ketua CID, Superintenden S. Kulasingham, yang mengetuai rombongan itu, dan beberapa orang ditektif, kemudian mengiringi Wong keluar dari Hospital itu ke sebuah ambulans yang sedia menunggu diluar, dengan diperhatikan oleh kira-kira 200 orang.

Sementara Chan diusung ke sebuah ambulans lain, Chua pula digari ke tangan seorang ditektif menuju ke sebuah kereta polis.



● WONG Swee Chin atau Botak Chin, 25 tahun, kelihatan keluar dari wad hospital besar dengan dikawal oleh ditektif dan polis.

Botak Chin merayu
Berita Harian 21 May 1980

Botak Chin merayu NST KUALA
LUMPUR. Botak Chin atau Wong Swee

Hukum mati untuk Botak Chin
Berita Harian 12 January 1977

Hukum mati untuk Botak Chin KUALA
LUMPUR, Salsasa WONG SWEECHIN

**Akhirnya 'Botak Chin' mati di tali
gantung**

Berita Harian 12 June 1981

Akhirnya 'Botak Chin' mati di tali gantung
KUALA LUMPUR, Khamis. Penja...

National Library Board

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)



[Report Vulnerability](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#)

©2023 Government of Singapore
Last Updated 2019-10-29